

Pelajar UPM Sumbang RM6 ribu Kepada Asrama Darul Falah

KUALA LUMPUR– Sebanyak RM6 ribu berjaya dikumpul oleh 46 pelajar Bachelo Sains Pembangunan Sumber Manusia daripada Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM) kepada pengurusan Asrama Darul Falah (ASDAF) di sini.

Sumber kewangan dijana hasil kutipan oleh pelajar-pelajar yang menjalankan promosi program itu selama sebulan daripada penyumbang persendirian di dalam dan di luar UPM.

Selain kewangan, pelajar-pelajar UPM turut menderma kelengkapan seperti tilam, bantal, cadar, buku-buku rujukan untuk perpustakaan ASDAF dan pakaian. Pengarah program, Hafizan Ali berkata khidmat masyarakat (CSR) selama sehari bersama anak-anak orang asli yang tinggal di ASDAF menerapkan nilai-nilai murni serta menghayati kehidupan anak-anak yatim dan miskin untuk merapatkan hubungan silaturrahim.



ASDAF- Pelajar-pelajar UPM (berbaju merah) bersama pelajar ASDAF

“Pemilihan untuk membantu ASDAF telah dicadangkan oleh pelajar UPM memandangkan warga ASDAF hanya ditaja oleh badan-badan bukan kerajaan dan orang persendirian sahaja,” katanya.

Beliau menambah program ini juga merupakan program serampang dua mata yang antara lainnya berhasrat mendekati golongan muda dan menggalakkan mereka untuk melanjutkan pelajaran.

Sementara itu, program ini disertai oleh 10 orang sukarelawan yang terdiri daripada pelajar-pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) dari pelbagai fakulti.

Sepanjang program berlangsung, keceriaan jelas terpancar pada wajah anak-anak ASDAF apabila mereka dihiburkan dengan pelbagai aktiviti dan sukaneka pelajar UPM.

Pensyarah program, Dr. Roziah Mohd Rasdi berkata program itu dapat menjadi pencetus serta dapat mewujudkan kesedaran dalam kalangan mahasiswa untuk melaksanakan tanggungjawab sosial mereka kepada masyarakat.



ASDAF- Pensyarah program, Dr. Roziah Mohd Rasdi (kanan) menyerahkan cek kepada wakil pengurusan ASDAF

"Pelajar berpeluang untuk mengapikasi ilmu perancangan program yang telah disampaikan di dalam kuliah dan dalam masa yang sama mencurahkan khidmat bakti mereka kepada masyarakat yang memerlukan," katanya.

Beliau berkata selain memberi sumbangan dalam bentuk material, pelajar juga boleh melakukan amal kebajikan dengan membina minda anak-anak yatim itu supaya mereka berjaya dalam hidup dan menjadi generasi yang bermotivasi serta berintegriti.

Antara aktiviti diadakan adalah sukaneka secara berkumpulan yang dijalankan seperti explorace bertujuan meningkatkan persaingan sihat antara kumpulan dan kerjasama antara setiap peserta dan anak-anak ASDAF.



ASDAF-Melakukan aktiviti riadah

Kepimpinan dan kreativiti pelajar ASDAF juga dapat dipupuk melalui pembentukan identiti kumpulan seperti membuat logo, slogan dan sebagainya.

Salah seorang penghuni ASDAF, Sharif Abdus Shakur Sharif Saad yang berasal dari Padang Sera, Kodiang, Kedah berkata beliau teruja apabila mengetahui pelajar UPM hadir untuk beramah mesra bersama mereka.

"Kehadiran mereka telah menyuntik semangat saya untuk ke menara gading satu hari nanti. Selain itu saya memperoleh pengalaman baharu melalui aktiviti-aktiviti yang diadakan," katanya.

Rakanya, Mona Brong berkata beliau gembira kerana masih ada pihak yang sudi berkunjung dan mengadakan aktiviti bersama penghuni ASDAF.

"Harapan kami, ada lagi pihak yang sudi meluangkan masa bersama kami semua di sini dan prihatin dengan kehidupan kami," katanya.

Pegawai Hal Ehwal Pelajar ASDAF, Mohd Noor Rashidi Adnan menyifatkan kehadiran pelajar-pelajar UPM merupakan satu pengalaman yang berharga kepada penghuni ASDAF.

"Saya harap program sebegini akan diteruskan serta dapat memotivasikan anak-anak ASDAF untuk terus berjaya pada masa akan datang," katanya.

ASDAF sebuah asrama yang menempatkan seramai 47 orang pelajar yang berumur dari 7 hingga 17 tahun dari golongan keluarga orang asli yang miskin dan anak-anak yatim. Asrama yang bertempat di Changkat Persekutuan, Bukit Persekutuan Kuala Lumpur ini merupakan badan yang berada di bawah naungan Persekutuan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM).



ASDAF

Berita ini disunting oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia